



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

#### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**26 Safar 1442 / 14 Oktober 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 26 Safar 1442H bersamaan 14 Oktober 2020, **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **Jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 147 orang.**

- Kes 147 ialah seorang wanita berumur 25 tahun yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dari Nepal melalui Kuala Lumpur pada 7 Oktober 2020 dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI874 (tempat duduk 42C). Beliau dilaporkan telah mengalami batuk sejak 11 Oktober 2020 dan pada masa ini, berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Pengesahan kontak (*contact tracing*) setakat ini

telah mengenalpasti tiga (3) orang kontak terdekat yang mana ujian awal menunjukkan kesemua kontak adalah negatif bagi COVID-19.

2. Dengan pengesahan kes terbaru ini, sebanyak 6 kes import telah disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 06 Mei 2020. Pada ketika ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan 161 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.
3. Sementara itu, daripada jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, seramai **143 kes telah disahkan sembahu**.
4. Pada hari ini, seramai **337** orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **6,888** orang telah menamatkan

pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **435** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **63,246** ujian.
6. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.
7. Orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dikeluarkan dan masih berkuatkuasa pada masa ini seperti menggunakan

applikasi BruHealth dan mengimbas kod QR setiap kali apabila masuk dan keluar dari premis-premis terutama sekali di tempat-tempat awam seperti gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai runcit, restoran-restoran, establishmen kecantikan, kedai gunting dan lain-lain. Pengurus-pengurus premis perniagaan adalah juga diingatkan untuk memaparkan QR kod di tempat-tempat masuk masing-masing. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil serius penggunaan applikasi BruHealth terutama sekali dalam mengimbas QR kod ini kerana ia adalah penting dalam membantu Kementerian Kesihatan melaksanakan pengesanan kontak (*contact tracing*) dengan segera, jika berlaku sebarang penularan jangkitan.

8. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$5,000 atau boleh didakwa ke mahkamah yang membawa

denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

9. Sejak tindakan undang-undang mula dikuatkuasakan bagi arahan-arahan yang telah dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini pada bulan Jun 2020 yang lalu hingga sekarang, sebanyak **967** premis perniagaan telah diperiksa di seluruh negara di mana **574** kesalahan telah didapati dan dikenakan denda kompaun. Di antara kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan ialah pengendali makanan tidak memakai sungkup muka semasa berkerja dan premis tidak melakukan pemeriksaan suhu badan terhadap pelanggan atau pengunjung.
10. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi

mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya. Jika situasi wabak kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan akan memperketatkan semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari masa ke masa.

11. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 26 Safar 1442H / 14 Oktober 2020